



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

TEKS UCAPAN

YAB Datuk Amar Haji Fadillah Haji Yusof
Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap
Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air

Majlis Makan Malam Ulang Tahun ke-50 Malakoff
15 Oktober 2025 | Hotel Hilton, Petaling Jaya

Bismillahirrahmanirrahim

(Salutasi)

Assalamualaikum WBT dan Salam Malaysia MADANI

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, kita dapat bersama pada malam ini bagi meraikan ulang tahun ke-50 Malakoff. Sambutan Jubli Emas ini bukan sahaja merupakan satu detik yang

membanggakan, tetapi juga menjadi peringatan kepada kita semua tentang tanggungjawab yang dipikul bersama, dalam memastikan negara mendapat bekalan tenaga yang berdaya harap dengan harga yang berpatutan, di samping mempercepatkan peralihan ke arah masa depan tenaga yang lebih bersih.

2. Selaku Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, fokus saya jelas iaitu untuk memperkasa agenda peralihan tenaga sambil memastikan keselamatan bekalan tenaga negara terpelihara. Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara atau NETR adalah merupakan panduan kepada kita dalam melaksanakan agenda-agenda negara ke arah negara yang lebih hijau. Komitmen-komitmen di bawah NETR ini memerlukan kerjasama antara kerajaan, industri dan masyarakat bagi merealisasikan visi ini.

3. Selain NETR, PETRA telah menetapkan rangka kerja asas untuk masa depan tenaga negara. Perancangan yang telah disediakan oleh PETRA dalam merangka campuran tenaga jangka panjang adalah dirancang untuk mengimbangi tiga tonggak utama tenaga iaitu kemampanan, keselamatan dan kemampuan, selaras dengan sasaran yang ditetapkan di bawah NETR untuk mencapai kapasiti campuran Tenaga Boleh Baharu

(TBB) sebanyak 41% pada 2035 dan seterusnya 70% kapasitas terpasang menjelang 2050.

4. Bagi menyokong dan mempercepatkan peralihan tenaga negara, PETRA telah memainkan peranan aktif sebagai pemudah cara, penyelaras dan pemacu utama. Pada Januari tahun ini, kita telah membuka proses bidaan LSS PETRA 5+ bagi kapasiti solar baharu sebanyak 2,000 MW, iaitu antara kapasiti terbesar dalam sejarah negara. Kita juga mempermudah laluan untuk sektor swasta untuk mendapatkan tenaga bersih secara langsung daripada pembekal melalui Program Tenaga Hijau Korporat (CGPP) dan Corporate Renewable Energy Supply Scheme (CRESS). Langkah-langkah ini bukan sahaja akan dapat meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu, tetapi juga membina keyakinan pasaran dan menarik pelaburan swasta. Pada masa yang sama, Kementerian saya sedang menambah baik proses-proses sedia ada bagi mengurangkan karenah birokrasi agar projek-projek TBB yang dimenangi melalui proses bidaan akan dapat dilaksanakan dengan lebih pantas.

5. Pelbagai faktor perlu di ambil kira dalam kita merancang pelaksanaan peralihan tenaga. Selain daripada teknologi yang memainkan peranan penting dalam perkembangan tenaga

hijau, kebolehharapan sistem (*system reliability*) dan mempelbagaikan sumber penjanaan juga (*fuel diversity*) adalah mustahak untuk dipertimbangkan. Dengan peningkatan berterusan terhadap permintaan elektrik, Malaysia perlu memastikan faktor-faktor yang saya sebutkan tadi ditangani dengan berkesan. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus memastikan nilai-nilai ini dikekalkan melalui proses bidaan kompetitif dan dalam masa yang sama, menggalakkan inovasi dari para pelabur.

6. Saya sendiri telah menyaksikan sumbangan Malakoff dalam perjalanan ini. Tahun lalu, saya diberi penghormatan untuk merasmikan pelancaran Projek Pembakaran Bersama Biomass di Loji Janakuasa Tanjung Bin, yang merupakan projek perintis kebangsaan di bawah NETR. Projek ini membuktikan bahawa aset sedia ada boleh dikurangkan jejak karbonnya, sambil terus memastikan kebolehpercayaan bekalan elektrik kepada grid negara. Inilah pendekatan pragmatik Malaysia dalam melaksanakan peralihan tenaga. Syabas Malakoff atas kesungguhan dalam merealisasikan matlamat ini.

7. Namun begitu, ingin saya tekankan disini bahawa penggunaan teknologi terkini bukanlah satu-satunya faktor untuk Kerajaan mempertimbangkan mana-mana projek. Kos

projek yang munasabah juga perlu diambil kira agar harga elektrik yang dijual kepada pengguna adalah terkawal dan tidak membebankan pengguna.

8. Ke hadapan, sistem tenaga Malaysia tidak akan ditentukan oleh satu teknologi semata-mata, tetapi oleh gabungan pelbagai penyelesaian. Ini termasuk solar berskala besar, Waste-to-Energy, tenaga hidro, gas dan teknologi baharu seperti hidrogen serta sistem penyimpanan tenaga. Malah, Kerajaan juga telah bersetuju agar satu kajian dilaksanakan bagi penggunaan tenaga nuklear sebagai sebahagian daripada strategi jangka panjang negara untuk keselamatan tenaga. Setiap sumber tenaga ini akan memainkan peranan penting dalam memastikan keseimbangan sistem terjaga.

9. Dalam konteks ini, kemajuan terkini Malakoff wajar diberikan perhatian. Awal bulan ini, Malakoff bersama rakan konsortiumnya telah berjaya memperoleh projek LSS5+ di Perak dengan kapasiti 470 MW. Selain itu, pembangunan kemudahan Waste-to-Energy di Sungai Udang, Melaka, dengan keupayaan memproses lebih 1,000 tan sisa pepejal setiap hari adalah merupakan satu lagi pencapaian penting dalam usaha Kerajaan untuk mempelbagaikan sumber pejanaan. Kemajuan projek loji kuasa hidro kecil pertama Malakoff dengan kapasiti 84 MW di

Kelantan pula membuktikan komitmennya terhadap pembangunan kepelbagaian portfolio tenaga boleh baharu syarikat ini.

10. Bagi pihak kerajaan, penubuhan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (“PETRA”) sendiri merupakan satu pernyataan hasrat yang jelas. Kerajaan komited melindungi pengguna elektrik dengan berpandukan kepada *energy trilemma* iaitu keselamatan bekalan, mampu bayar dan kelestarian. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga akan terus memberi sokongan kepada pemain industri, memperkemas proses dan bekerjasama untuk memudah cara pelaburan.

11. Ketika kita meraikan ulang tahun ke-50 Malakoff, saya ingin mengiktiraf sesuatu yang penting. Sebahagian besar sumbangan Malakoff dilakukan di sebalik tabir, sering kali jauh daripada perhatian ramai. Malakoff sentiasa bekerja gigih di belakang tabir dengan mengendalikan loji janakuasa dan membekalkan tenaga yang berkualiti kepada grid, serta sentiasa berusaha untuk membangunkan projek-projek baharu yang bernilai tinggi. Kerja ini jarang menjadi tajuk utama, tetapi ia amat penting kepada negara kerana usaha-usaha inilah yang dapat memastikan rumah-rumah di Malaysia mendapat bekalan

yang berterusan, industri-industri di negara ini terus beroperasi dan ekonomi negara terus bergerak maju ke hadapan. Pada masa akan datang, Malakoff juga perlu menonjolkan sumbangan ini dengan lebih meluas supaya rakyat dapat memahami peranan penting yang dimainkan dalam membekalkan tenaga kepada komuniti dan menyokong kemajuan negara.

12. Sambutan ini bukan sekadar mengenang masa lalu, tetapi juga satu isyarat tentang hala tuju masa hadapan. Malaysia akan memastikan keperluan tenaganya terjamin dan dalam masa yang sama, mempercepatkan peralihan tenaga bersih. Dengan pelaksanaan yang berdisiplin dan tekad bersama, kita akan mencapai sasaran peralihan tenaga, memperkukuh grid negara dan membangunkan ekonomi hijau yang membawa manfaat kepada semua rakyat Malaysia.

13. Kepada Malakoff, setinggi-tinggi tahniah atas lima puluh tahun khidmat bakti. Semoga lima puluh tahun yang mendatang, Malakoff akan terus maju dengan inovasi-inovasi terkini dengan memberi penekanan ke atas kelestarian tenaga, dan seterusnya menyumbang kepada kemajuan Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur dan berdaya saing.

Sekian, wabillahi taufiq wal-hidayah,

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.